

Kerajaan diminta laksana segera projek tebatan

HULU LANGAT: Kerajaan Pusat diminta melaksanakan segera Projek Tebatan Air Sungai Langat bagi menangani masalah banjir yang berlaku setiap kali hujan lebat di daerah ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Ismail Sani, berkata projek itu perlu diteruskan dengan kadar segera kerana Sungai Langat sudah tidak lagi mampu menampung jumlah air, terutama ketika musim hujan sehingga menyebabkannya melimpah dan membanjiri rumah penduduk.

“Sungai Langat tidak mampu menampung jumlah air terutama pada musim hujan. Keadaannya yang cetek dan pelbagai projek pembangunan di kawasan itu, menyebabkan sungai melimpah setiap kali hujan lebat membanjiri rumah penduduk,” katanya di sini, semalam.

Dalam kejadian Rabu lalu, hujan lebat lebih tujuh jam sejak 4.30 petang mengakibatkan beberapa kawasan di Hulu Langat dinaiki air setinggi dua meter.